



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(47)

Tarikh : 4 Februari 2013

## SIARAN MEDIA

### **RUMAH PANGSA TEMPLER 1/TUN DR ISMAIL, SEREMBAN MENIKMATI BAIK PULIH BERNILAI RM1.6 JUTA**

Seremban, 4 Februari 2013 – Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyempurnakan majlis penyerahan projek membaikpulih rumah pangsa Templer 1/ Tun Dr Ismail Templer pada pagi in. Rumah pangsa yang dibina pada 1964 ini menikmati baik pulih berjumlah 1.6 juta di mana (90%) bersamaan RM 1.46 juta ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dan bakinya berjumlah (10%) bersamaan RM 146 ribu ditanggung oleh Kerajaan Negeri Sembilan. Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) di bawah Jabatan Perumahan Negara ini bertujuan untuk memulihkan dan menyenggara bangunan berstrata kos rendah awam di seluruh negara. Bagi Rumah Pangsa ini, masalah infrastruktur penghuni yang dibaiki adalah :

- mengecat bumbung
- bumbung
- longkang bangunan
- tingkap
- pintu
- apron bangunan dan peti surat
- lif
- pam air
- sistem pendawaian letrik
- sistem pencegah kebakaran

Bagi 2013, skop kerja baik pulih tertumpu kepada memperbaiki bumbung, menganti longkang bangunan, mengganti tingkap,pintu,apron bangunan dan peti surat. Kos projek ini dianggarkan RM 0.5 Juta dan kos PPP yang ditanggung oleh JPN ialah RM 0.46 Juta. (90% dari jumlah keseluruhan). Manakala kerja baik pulih ini pada 2012 melibatkan memperbaiki lif, memperbaiki pam air, sistem pendawaian elektrik, mengecat bangunan dan sistem pencegahan kebakaran. Kos projek ini adalah 1.1 juta dan kos yang dtanggung oleh PPP ialah RM 0.99 Juta. (90% dari jumlah kos keseluruhan). Projek baik pulih ini meliputi dua blok 14 tingkat kediaman dan kedai yang merangkumi 264 unit rumah kediaman, 17 unit kedai 2 blok 2 tingkat dan 10 unit rumah kedai dihuni oleh 1300 orang penghuni di mana 70% adalah India, 20 % Melayu dan 10 % adalah Cina.

Secara keseluruhannya kerja baik pulih ini melibatkan kerja infra dan bangunan (mengecat bangunan), kerja elektrik (memasang semula sistem perlindungan kilat, membekal dan menukar baru peti agihan, Sub-switch board, GI Trunking dan DP telefon ) dan kerja mekanikal (mengganti paip air dari meter ketangki individu dan menukar tangki individu, memperbaiki dan mengganti saluan kumbahan yang rosak dan tidak berfungsi). Pemaju asal adalah bagi rumah pangsa ini adalah Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan dan diletakkan di bawah Majlis Perbandaran Seremban.

-----  
*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)